

Lelaki tidak mengaku menggaji warga asing tanpa pas sah

MIRI: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen atas tuduhan menggaji seorang lelaki warga asing yang tidak mempunyai pas yang sah.

Ibrahim Lamat, 52, dari Kampung Pulau Melayu di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 55B (1) Akta Imigresen 1959/63.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan denda tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan, jika sabit kesalahan bagi seorang warga asing yang digaji.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah dituduh menggaji seseorang lelaki warga Indonesia bernama Mohd Saiful

Abdullah yang tidak memiliki pas yang sah untuk bekerja di kebun buah miliknya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 3 petang, 6 November 2022 di kebunnya yang terletak di Kampung Nusah, Bekenu.

Setelah mendengar pengakuan tidak bersalah tertuduh, mahkamah kemudian menetapkan 16 Februari depan untuk pengurusan kes.

Tertuduh kemudian diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM3,000 berserta seorang penjamin tempatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Asyraf Fahmy Md. Roslen di hadapan Hakim Amir Shah Amir Hassan.